

KEDIDI MALAM
Beach Thick-knee

FAMILI: Burhinidae
NAMA SAINTIFIK: *Esacus neglectus*

CIRI-CIRI

Spesies ini merupakan spesies yang aktif pada waktu senja dan malam. Ianya hampir sama dengan Great Thick-knee, *E.recurvirostris*, tetapi saiznya lebih besar, paruhnya lebih tebal, dengan paruh atas yang kurang melentik. Bahagian atas kepala, bahu dan bulu pahat pada atas sayap berwarna kehitaman, dahi dan jalur yang bermula dari hadapan mata dan melaluinya berwarna hitam. Semasa terbang, bahagian bulu sekunder pada atas sayap berwarna kelabu manakal bahagian dalam bulu primer dan bahagian bawah sayap berwarna putih. Bagi individu juvenil, bahagian atas badan agak pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 53-57 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada ketam, moluska, serangga, cacing, reptilia kecil, amfibia, ikan dan mamalia kecil.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di pantai dan beting pasir yang tidak terganggu dan berdekatan dengan hutan paya bakau.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *wee-loo* yang kasar bagi tujuan penandaan kawasan. Ianya juga mengeluarkan bunyi *quip-ip-ip* dan *quip* atau *peep* yang lemah apabila mengesan bahaya.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Mac-April. Individu betina boleh menghasilkan 1-2 biji telur berwarna putih kekuningan pada sarang yang dibina di atas tanah.